

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **langkah-langkah mewujudkan tabiat pemakanan yang sihat dalam kalangan anak dan kepentingannya.** Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan.***

Kecenderungan kanak-kanak untuk memilih makanan segera mewujudkan tabiat pemakanan yang tidak sihat. Lebih memburukkan keadaan, kanak-kanak terdedah dan tertarik pada iklan makanan segera berjenama terkenal yang menggiurkan pada setiap hari. Makanan ringan sangat mudah diperoleh di merata-rata tempat malahan bukan suatu yang pelik apabila premis perniagaan yang menjual makanan segera banyak dibuka di hadapan pintu pagar sekolah.

Makanan ringan ini manis, berwarna-warni dan mempunyai pek pembungkus yang menarik di samping bungkusan makanan ini dimuatkan dengan hadiah mainan kecil yang *cukup mengujakan*, terutamanya bagi kanak-kanak yang masih kecil.

Akademik Pediatrik Amerika mencadangkan beberapa kaedah bagi menyusun atur semula jadual pemakanan dan tabiat makanan seharian anak yang sihat. Kedua-dua pihak perlu sedar akan tanggungjawab masing-masing dalam mewujudkan tabiat pemakanan yang sihat. Ibu bapa bertanggungjawab untuk menyediakan pilihan makanan berkhasiat dalam hidangan makanan utama. Di samping itu, ibu bapa perlu menentukan jenis makanan, tempat dan waktu makan untuk anak-anak mereka.

Anak pula perlu bertanggungjawab untuk memilih kuantiti makanan yang perlu dimakan. Hal ini berkemungkinan memerlukan tempoh masa yang lama tetapi tindakan ini dapat meningkatkan tahap disiplin dari aspek pemilihan makanan yang berkhasiat. Ibu bapa wajar mengamalkan tabiat pemakanan yang sihat supaya dapat diteladani oleh anak-anak. Selain itu, saranan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerusi Kempen Gaya Hidup Sihat menggalakkan masyarakat mengambil makanan mengikut piramid makanan dalam menu harian. Melalui amalan ini, masyarakat lebih mudah berbincang tentang tabiat pemakanan dan jenis makanan yang baik bagi seisi keluarga.

Malahan, ibu bapa juga digalakkan untuk makan bersama-sama anak dalam tempoh yang kerap. Menu makanan yang disediakan perlu menarik, pelbagai dan segar. Jika mampu, anak boleh dibawa berjumpa pakar pemakanan atau hadir ke pusat kesihatan supaya pemeriksaan kesihatan dilakukan dan khidmat nasihat yang sewajarnya diperoleh. Nasihat doktor tentang tabiat makanan yang betul lebih dipercayai oleh anak berbanding dengan nasihat ibu bapa. Daripada perspektif agama, didikan tentang kepentingan penjagaan aspek pemakanan berdasarkan konsep bersih dan berkualiti menjadi tanggungjawab ibu bapa. Maka, ibu bapa perlu berusaha sebaik-baik mungkin supaya kaedah pemakanan dan cara hidup yang berkualiti selaras dengan agama dibudayakan.

Jika pemakanan anak tidak diselaras dan dikawal oleh ibu bapa, anak mudah menghidap penyakit kronik yang dapat memberikan kesan negatif. Oleh itu, pemilihan makanan yang tepat turut membantu seisi keluarga memiliki badan yang sihat. Ironinya, kita perlu mengambil makanan yang sihat supaya individu dan masyarakat menerima kesan positif daripada tabiat pemakanan ini. Jika masyarakat masih ingkar dan tidak mahu berubah sudah pasti jumlah pesakit penyakit kronik di negara ini akan bertambah. Ketika itu mungkin sudah terlewat untuk kita semua mengambil langkah pencegahan kerana mencegah lebih baik daripada mengubati.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada
'*Pemakanan Anak Dapat Diatur*'
oleh Khairunneezam Mohd. Noor,
Dewan Kosmik, April 2015)

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *cukup mengujakan*. [2 markah]
- (ii) Mengapakah anak-anak cenderung memilih makanan segera? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah kekangan yang dihadapi oleh masyarakat untuk mengamalkan tabiat pemakanan yang sihat? [4 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 2 (b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Dalam kesibukan dan kebisingan bunyi mesin tulis dan komputer bercampur baur dengan deringan telefon dan suara manusia, seorang lelaki berjalan ke arahnya yang sedang berdiri di samping Farid. Farid memang banyak mempunyai kawan kenalan di sana. Berhenti di tiap-tiap meja. Menyapa dan bersalaman.

“Ini Syahid,” kata Farid memperkenalkan lelaki itu kepadanya.

“Rasanya kita sudah pernah berjumpa,” kata Syahid agak tidak malu apabila dia menghulurkan tangan sebaik sahaja mereka diperkenalkan. Perasaannya tergugah sedikit. Darah tersimbur naik ke mukanya. Seluruh kulit mukanya menjadi merah. Dia pun tiba-tiba menjadi gugup. Di mana? Mahu sahaja dia percaya pada waktu itu bahawa Syahid ini benar-benar penjelmaan daripada Hisyam. Aku tidak pernah bertemu dengan orang ini sebelum ini, bawah sedarnya berbisik. Namanya, ya pernah aku dengar sebab selalu disebut-sebut oleh Farid apabila sahaja makalahnya tersiar dalam surat khabar itu. Syahid yang menolong menyiarkannya.

Nama Syahid yang selalu muncul dalam akhbar itu kerana rencana yang ditulisnya di halaman rencana pengarang atau ada berita *by line*. Hanya dari situ sahajalah dia mengetahui nama lelaki itu, tetapi berjumpa belum.

“Yakah?” Hanya itu yang keluar daripada mulutnya. Dia ditinggalkan di bilik Syahid, sebuah ruangan yang berbentuk kotak. Duduk di kerusi menghadap kepadanya. Syahid mulai membuka cerita. Berbagai-bagai ceritanya. Tetapi anehnya dia tidak mengulangi lagi ucapannya tadi tentang pernah berjumpa dengannya dahulu. Barangkali juga itu hanya suatu helahnya sahaja, suatu gimik mahu memancing kemesraan. Demi Tuhan, kalau ada pancingannya pun, dia sendiri sudah mulai jatuh hati dengan anak muda ini. Keberaniannya telah mengusik hatinya. Kumisnya yang kecil bak satu garis hitam di atas bibirnya itu kelihatan agak lucu, bergerak-gerak apabila dia bercakap, tetapi menimbulkan daya pesona. Adakah ini cinta pandang pertama? Wajahnya itu benar-benar mirip Hisyam. Kalau Hisyam ada di situ tentulah mereka berdua akan dikatakan saudara kembar. Hanya kumisnya itu yang membezakan mereka. Tetapi bentuk tubuh boleh berubah apabila kita semakin dewasa. Hisyam pun kalau ada sekarang ini, mungkin juga kurus seperti Syahid. Tubuhnya dahulu agak berisi tetapi dia mempunyai tanda-tanda akan tinggi seperti bapanya.

Dia mulai suka dengan anak muda ini. Sifatnya yang terbuka itu menyenangkan hatinya. Dia suka mendengar bicaranya. Suka melihat mimik mukanya. Suka melihat senyumannya. Dia seperti Hisyam. Barangkali juga Syahid telah jatuh cinta kepadanya dengan pertemuan pertama itu. Melihat gerak-gerinya yang agak kaku itu dia rasa yakin tentang anggapannya.

(Dipetik daripada ‘Mellisa’ dalam
antologi Harga Remaja, DBP, 2009)

- (i) Apakah perubahan emosi yang berlaku kepada Mellisa sebaik-baik sahaja dia diperkenalkan kepada Syahid? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah tindakan-tindakan yang perlu anda lakukan untuk mengekalkan hubungan persahabatan? [3 markah]
- (iii) Jelaskan **satu** nilai yang terdapat dalam petikan cerpen di atas dan **satu** nilai yang lain daripada keseluruhan cerpen. [4 markah]

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka baginda pun masuk ke Negeri Johor. Maka dibedil orang dari kubu Johor. Maka segala meriam pun keluar air kepada mulut meriam. Satu pun tiada berbunyi. Maka baginda pun mudik, didayungkan oleh segala rakyat sambil bertimang, berakung, lalu ke Pangkalan Rama, di jambatan dalam. Maka baginda pun melompat naik ke atas jambatan. Baginda memegang pedang kerajaan yang bernama Sepurejab, telah terhunus dari sarungnya. Setelah dilihat hulubalang yang berempat baginda seperti kilat melompat naik ke atas jambatan, maka hulubalang keempat sama melompat dengan pedang terhunus, mengiringkan baginda, dengan segala Orang Besar-besar, masing-masing dengan pedang dan perisai, *seperti hadamat bunyinya*.

Setelah didengar oleh Yang Dipertuan Johor akan baginda itu sudah masuk kota, maka Raja Johor pun segera keluarlah dengan anakanda baginda, pulang ke kampung Bendahara lama. Dan baginda pun sampai ke dalam kota, baginda masuk ke dalam istana, diiringkan empat hulubalang yang ternama. Sekalian Orang Besar-besar semuanya berhenti di balai, menanti akan titah baginda juga. Setelah baginda sampai ke dalam istana, dilihat baginda tiada ada Bendahara. Maka titah baginda, “Kemana pergi Bendahara, maka tiada ini?” Maka berdatang sembah Penghulu Istana, “Akan Datuk Bendahara, sudah lari, tuanku.” Dan baginda pun keluar ke balairung, dihadap segala hulubalang, Orang Kaya-kaya, semuanya, dengan segala senjata berkilat-kilat rupanya.

(Dipetik daripada ‘Hikayat Siak’
dalam *antologi Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud rangkai kata *seperti hadamat bunyinya*. [2 markah]
- (ii) Apakah reaksi baginda apabila diserang ketika masuk ke Negeri Johor? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah persediaan yang perlu dilakukan untuk menghadapi musuh dalam peperangan? [3 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 2 (d) – Gurindam

Baca gurindam di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Gurindam Tonggak Dua Belas

Hendak pandai menghargai masa,
Jangan dinanti esok lusa.

Ketekunan akan membawa kejayaan,
Kegigihan bekerja dengan keupayaan.

Wajah ceria keseronokan bekerja,
Usah berduka bermuram durja.

Hidup dalam kemuliaan kesederhanaan,
Bertindak dengan penuh kebijaksanaan.

Ketinggian peribadi jadi amalan,
Ketelusan hati jadi bekalan.

Kekuatan sifat baik hati,
Bertimbang rasa dan bersimpati.

Pengaruh kepimpinan melalui teladan,
Baik buruk jadikan sempadan.

Menjadi kewajipan menjalan tugas,
Walaupun sederhana tetapi tegas.

Kebijaksanaan berhemat perlu diutama,
Tidak membazir teliti saksama.

Keutamaan kesabaran fikiran tenang,
Perkara susah menjadi senang.

Peningkatan bakat diberi sokongan,
Tunjukkan kebolehan jadikan dorongan.

Nikmat mencipta budaya kreatif,
Kembangkan bakat semoga aktif.

Mohd Sidek Mohd Dollah (Mas Adeki)

Antologi Dirgahayu Bahasaku,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Jelaskan maksud rangkap ketujuh gurindam tersebut. [2 *markah*]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah kepentingan sikap berjimat cermat dalam kalangan masyarakat? [3 *markah*]
- (iii) Huraikan **dua** pengajaran yang terdapat dalam gurindam di atas. [4 *markah*]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) Tulis **satu ayat bagi setiap pasangan kata** di bawah supaya jelas menunjukkan perbezaan maksudnya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- | | | | |
|-------|-----------|---|----------|
| (i) | hemah | - | hemat |
| (ii) | rasmi | - | resmi |
| (iii) | inspirasi | - | aspirasi |

[6 markah]

(b) Tukarkan ayat aktif di bawah kepada ayat pasif tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Pihak Bomba dan Penyelamat telah berjaya membawa turun mangsa gempa bumi di Sabah.
- (ii) Kami perlu mendengar ceramah motivasi itu selepas waktu rehat.
- (iii) Atlet Sukan SEA itu telah berjaya merangkul pingat emas dalam acara boling.

[6 markah]

(c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Kementerian Pendidikan Malaysia mewajibkan semua murid mengambil insuran sebagai perlindungan diri ketika terlibat dalam aktiviti kokurikulum.
- (ii) John berhasrat memperdalam kehidupan masyarakat Malaysia yang unik dan beraneka budaya.
- (iii) Sahsiah dan peri laku rakyat yang baik dijadikan nama negara dipandang tinggi di persada dunia.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Sejak dari dahulu lagi, kawasan tanah tinggi itu akan diperhati oleh pihak berkuasa untuk memastikan tidak berlaku tanah runtuh.
- (ii) Projek perumahan untuk rakyat termiskin sekali itu menelan duit sebanyak RM 1 bilion.
- (iii) Persepakatan dalam masyarakat dapat dijana sekiranya masyarakat saling hormat-menghormati tanpa mengira bangsa dan agama.

[6 markah]

(e) Lengkapkan peribahasa berikut.

- (i) Di mana bumi dipijak, _____.
- (ii) Malu berkayuh perahu hanyut, _____.
- (iii) Ular menyusur akar _____.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel[15 *markah*]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) PAPA...(akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
 - (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
 - (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
 - (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
 - (v) Kembara Amira karya Amer Hmzah L. Kadir
 - (vi) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
 - (vii) Sutera Dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan
 - (viii) Kabus Di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan **dua nilai pengorbanan** yang terdapat dalam novel tersebut. [7 *markah*]
- (b) Huraikan **satu** latar tempat yang terdapat dalam dua buah novel yang anda kaji. [8 *markah*]

KERTAS SOALAN TAMAT